SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042 (Am)
Fax : 03-5510 3062

selangorku

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Dlm.IPK.Sel. 20279/7/2 Jld.8 (52)

Tarikh : 4 Safar 1433 H
29 Disember 2011

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 99 TAHUN 2011

SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN
TEMPOH MASA MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA OLEH PIHAK BERKUASA MELULUS

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat pekeliling yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 30 November 2011 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 2 hingga 5** surat pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : *03-88823333*
Telefaks : *03-88824224*
Telex : *FEDTRY MA 30242*
Laman Web : *www.treasury.gov.my*

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/
10/31 JLD.31 SK.12 (5)
30 November 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Setiausaha Kerajaan Selangor
21. DEC 2011
SUB (K/P)

DITERIMA
20 DEC 2011
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor D.E.

SUBCKP

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri

SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN
TEMPOH MASA MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA OLEH PIHAK BERKUASA MELULUS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan telah dimaklumkan bahawa antara punca kelewatan pembayaran Arahan Perubahan Kerja/*Variation Order* (VO) adalah disebabkan kelewatan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Melulus. Walaupun VO telah diluluskan, namun pembayaran hanya dibuat di penghujung projek. Selain itu, berlaku juga pelanggaran peraturan apabila VO dibuat tanpa mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus terlebih dahulu sebagaimana dalam Arahan Perbendaharaan (AP) 202.2. Kementerian Kewangan memandang serius terhadap amalan yang melanggar peraturan AP 202 kerana ia akan menjejaskan pelaksanaan projek serta memberi imej negatif kepada Kerajaan.

3. Bagi memperkemaskan pelaksanaan VO sebagaimana dalam AP 202, semua Pihak Berkuasa Melulus VO hendaklah mematuhi tempoh masa bagi mempertimbangkan permohonan VO yang ditetapkan seperti berikut:

	Pihak Berkuasa Melulus	**Tempoh Masa Pertimbangan**
(i)	Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa	7 hari
(ii)	Jawatankuasa VO di peringkat Agensi/ Lembaga Perolehan Agensi	14 hari
(iii)	Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri	14 hari

Tempoh masa pertimbangan yang ditetapkan adalah daripada tarikh permohonan lengkap diterima oleh Urus Setia Pihak Berkuasa Melulus.

Peri

JOHARY BIN ANUAR
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

4. Pelaksanaan peraturan ini hendaklah dipantau oleh Unit Audit Dalam setiap Kementerian/Agensi dan tindakan boleh diambil ke atas Pihak Berkuasa Melulus yang gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan.

5. Arahan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani dan hendaklah dibaca bersekali dengan AP 202 dan apa-apa pindaannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri